

ANALISIS STILISTIK DALAM NOVEL *PANTAI KASIH* KARYA AZMAH NORDIN

(*Stylistic Analysis in the Novel Pantai Kasih by Azmah Nordin*)

Nur Alisa Ramli¹
alisaramli77@gmail.com

Mohamad Rozi Kasim²
mrozi@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.^{1 & 2}

Corresponding Author (*Pengarang koresponden*): ¹

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim. (2023). Analisis stilistik dalam novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin. *Malay Literature*, 36(1), 137–166. [http://doi.org/10.37052/ml36\(1\)no7](http://doi.org/10.37052/ml36(1)no7)

Received: Peroleh:	11/2/2023	Revised: Semakan	12/4/2023	Accepted: Terima:	13/4/2023	Published online: Terbit dalam talian:	1/6/2023
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

Abstrak

Stilistik merupakan ilmu tentang gaya yang dihubungkan dengan pemakaian bahasa. Dalam mencipta karya sastra, pengarang ghalibnya menggunakan stilistik sebagai medium utama yang berbentuk falsafah dalam menyampaikan mesej, idea dan pandangan hidup dunia penulisannya. Rentetan itu, kajian ini memfokuskan analisis stilistik dalam novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin dengan menggunakan Prinsip Stilistik Weber (1989). Oleh hal yang demikian, terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti gaya stilistik perbandingan, mengenal pasti gaya stilistik penyirnaan yang terdapat dalam novel *Pantai Kasih* dan mengenal pasti gaya stilistik pertautan menerusi novel *Pantai Kasih*. Penganalisan data pula adalah secara kualitatif yang melibatkan analisis terhadap teks novel *Pantai Kasih*. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian yang telah dijalankan, hasil kajian mendapati bahawa sememangnya terdapat gaya stilistik yang diketengahkan dalam novel *Pantai Kasih* termasuklah gaya stilistik perbandingan yang merangkumi personifikasi, metafora dan

simile. Manakala gaya stilistik penyirnaan pula hanya merangkumi sinkope dan akronim, dan gaya stilistik pertautan pula hanya meliputi alusi sahaja. Akhir sekali, kajian stilistik ini diharapkan mampu menjadi wadah bagi memartabatkan bidang stilistik sebagai satu jiwa dalam dunia pendidikan sastera Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang stilistik bukan sahaja menonjolkan kesenian bahasanya malah turut menjadi penanda aras dalam pembentukan moral dan etika dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Stilistik, seni bahasa, novel, *Pantai Kasih*, bahasa figuratif, sastera Melayu

Abstract

Stylistics is the knowledge of style related to the use of language. In creating a literary work, a writer implicitly uses stylistics as the main medium to shape his philosophy in conveying the messages, ideas, and worldview of his writing. To that extent, this study focuses on the stylistic analysis of Azmah Nordin's novel titled Pantai Kasih using the Stylistic Theory by Weber (1989). Therefore, there are three main objectives in this study, which are to identify comparative stylistic styles, to identify the stylistic style of destruction found in Pantai Kasih and to identify the stylistic style of linking through Pantai Kasih. The data analysis is qualitative as it involves the analysis of the text of Pantai Kasih. In relation to that, based on the research that was implemented, the results of the study found that there is indeed a stylistic style highlighted in Pantai Kasih including a comparative stylistic style that includes personification, metaphor, and simile. Meanwhile, the stylistic style of destruction only includes syncope and acronyms and the stylistic style of linking only includes allusion. Finally, this stylistics study is expected to be able to become a medium to dignify the field of stylistics as a soul in the world of Malay literature education. This is because the field of stylistics not only highlights the art of language, but also becomes a benchmark in the formation of morals and ethics in society.

Keywords: Stylistics, art of language, novel, Pantai Kasih, figurative language, Malay literature

PENGENALAN

Naffi dalam Ariff (2020:9) pernah menyatakan bahawa pengajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam subjek bahasa Melayu adalah berlandaskan falsafah berkaitan dengan keperluan dan kesesuaian menerapkan ilmu kesusasteraan. Salah satu daripada falsafah pengajarannya adalah untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tamsilannya, menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996), salah satu elemen yang dapat dilihat, iaitu perkembangan potensi intelek adalah untuk memastikan seseorang itu berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif. Jika dilihat melalui perspektif yang lebih jelas, cara ini secara tidak langsung dapat memberikan sumbangan bagi meningkatkan penguasaan dan perkembangan bahasa seseorang lebih-lebih lagi sifat sastera mementingkan kehalusan dan keindahan atau juga dikenali sebagai stilistik. Penggunaan bahasanya yang indah dengan susunan stilistik yang membentuk irama dan bunyi menjadi lebih menarik. Hal inilah yang dikatakan bahawa bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan.

Menurut Abdullah (1990) stilistik merupakan ilmu tentang stail atau gaya yang dihubungkan dengan penggunaan atau pemakaian bahasa (hlm. 2). Dalam pada itu, terdapat juga beberapa orang tokoh Barat telah memberikan definisi mengenai bidang stilistik, misalnya Leech dan Short (1990) yang menyatakan bahawa stilistik merupakan kajian tentang kewujudan bahasa yang terdapat dalam karya sastera (hlm. 2). Crystal (1985) juga mengatakan bahawa kajian stilistik sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua perkara, iaitu kajian tentang kelainan bahasa yang mengandungi bentuk gaya bahasa pengulangan, penyirnaan, perbandingan, pertautan dan pertentangan (hlm. 21). Kelainan bahasa yang dimaksudkan juga termasuklah peribahasa, sindiran dan gaya retorik. Ciri yang kedua ialah pemakaian bahasa yang mencakupi bidang linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Sehubungan dengan itu, novel *Pantai Kasih* ini secara jelasnya dapat dilihat sebagai karya yang mencakupi unsur stilistik melalui penggunaan bahasanya yang sangat berpuitis. Di samping itu, novel ini juga kaya dengan keindahan bahasa serta hubung kaitnya dapat dilihat menerusi unsur pendidikan yang terkandung dalam novel tersebut. Hal ini jelas dapat dilihat misalnya menerusi penguasaan pelajar terhadap pengetahuan stilistik dalam beberapa kemahiran yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), iaitu kemahiran menulis,


kemahiran bertutur dan aspek seni bahasa. Bagi mengukuhkan pernyataan tersebut, menerusi laporan berita oleh Mariah (2016), beliau melaporkan bahawa Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Dasar) pada ketika itu, Datuk Seri Khairil Awang berkata bahawa sememangnya novel *Pantai Kasih* mempunyai elemen kebolehajaran daripada aspek kosa kata, tatabahasa serta keindahan bahasa atau juga dikenali sebagai stilistik. Rentetan itu, novel *Pantai Kasih* akan terus digunakan sebagai komponen sastera (KOMSAS) dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar tingkatan empat di Melaka, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Dalam pada itu, bidang stilistik berfungsi menjadikan bahasa sebagai medium mengekspresikan pandangan yang bersifat imaginatif dan figuratif (Arba'ie, 2014:30). Hal ini telah dicungkil dengan lebih jelas menerusi novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin. Oleh hal yang demikian, analisis ini tertumpu kepada novel ini. Azmah Nordin yang juga merupakan penerima S.E.A. Write Awards 2019 dilahirkan di Kulim, Kedah. Beliau mula bergiat aktif dalam dunia penulisan sejak berusia 27 tahun dan karya pertama beliau telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Minat yang mendalam terhadap bidang penulisan membolehkan beliau menghasilkan sebanyak 50 buah novel.

Novel *Pantai Kasih* ini merupakan terbitan tahun 1994 dan diterbitkan kali kedua dengan cetakan pertama pada tahun 2014 sebagai teks komponen sastera (KOMSAS) dalam subjek bahasa Melayu untuk pelajar tingkatan empat di Melaka, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Azmah Nordin diakui sebagai pengarang yang gemar memasukkan fenomena baharu, latar dan watak dalam konteks karya yang dihasilkan oleh pengarang, khususnya pengarang wanita. Usaha ini secara tidak langsung membolehkan Azmah membuka jalur baharu yang lebih mencabar, rumit dan mengutamakan keperluan ilmu dalam berkarya. Berdasarkan novel *Pantai Kasih*, makalah ini memfokuskan secara deskriptif terhadap analisis gaya stilistik perbandingan, gaya stilistik penyirnaan dan gaya stilistik pertautan yang terdapat dalam novel ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi merungkaikan aspek gaya bahasa stilistik yang terkandung dalam novel *Pantai Kasih*. Antara permasalahan utama yang turut menyumbang dalam kajian ini ialah gaya stilistik perbandingan, gaya stilistik penyirnaan dan gaya stilistik pertautan khususnya dalam novel ini yang masih kurang dikaji.



Rajah 1 Novel *Pantai Kasih* oleh Azmah Nordin.

Menerusi kajian ini dapat dikatakan bahawa, bidang stilistik sememangnya perlu diketengahkan memandangkan bidang ini ibarat nyawa dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Hal ini selari dengan Nik Hassan Basri (2007) yang menyatakan bahawa stilistik meliputi teknik pemakaian bahasa (hlm. 378). Hal ini membuktikan bahawa aspek stilistik merupakan elemen yang sangat penting dalam menghasilkan sebuah karya yang berkualiti tinggi kerana sarat dengan keindahan bahasa yang tersendiri.

Oleh itu, selaras dengan permasalahan tersebut, kajian ini mengambil inisiatif dengan menjalankan kajian analisis stilistik menerusi novel tersebut bagi mengukuhkan bukti akan kebenaran tersebut agar lebih sahih dan jitu.

Secara ringkasnya, kupasan terhadap persoalan ini dibuat dengan melihat stilistik dalam novel dengan berfokuskan gaya bahasa stilistik, misalnya gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa pertautan. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan mampu menilai perkembangan dan pementapan pemikiran pengarang daripada aspek stilistik terhadap idea dan isu-isu yang dikemukakan dalam penulisannya.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Salah satu kajian lepas mengenai gaya stilistik ialah analisis teori relevans dalam metafora oleh Subet (2018) yang menggunakan analisis dokumen berpandukan teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) dalam bidang linguistik disiplin pragmatik. Dalam kajian tersebut, teori relevans telah digunakan dengan menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Teori tersebut menegaskan bahawa tiga konsep ini penting dalam penginterpretasian makna. Lima gaya bahasa metafora daripada lima sajak Usman Awang dijadikan data. Menerusi kajian metafora tersebut, didapati bahawa aplikasi teori relevans dapat membantu pemahaman makna sebenar sajak-sajak tersebut. Secara ringkasnya, kajian tersebut membuktikan bahawa penginterpretasian makna didapati menjadi lebih mudah dan sahih dengan teori relevans.

Selain itu, kajian lepas mengenai gaya stilistik oleh Nurul Fadila et al. (2020) bertujuan mendeskripsikan bentuk gaya bahasa personifikasi dan makna gaya bahasa personifikasi dalam cerpen tersebut. Pengambilan data dilakukan dengan cara membaca cerpen "*Sampan Zulaiha*" lalu

menganalisis gaya bahasa personifikasi pada cerpen ini. Kajian yang dilakukan adalah supaya pembaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengenai pemakaian gaya bahasa personifikasi dalam pengucapan dan memahami maksud setiap gaya bahasa yang terdapat dalam cerpen itu. Hasil kajian tersebut membuktikan bahwa cerpen hasil karya Hasan Al Banna banyak menggunakan gaya bahasa personifikasi.

Seterusnya, kajian oleh Wan Nor Hazwani (2014) dijalankan bagi mengenal pasti strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah simile atau juga dikenali sebagai perumpamaan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa antara enam strategi yang dicadangkan oleh Pierini (2007) dalam menterjemah simile ialah penterjemah menggunakan strategi pertama, iaitu terjemahan literal, bahkan terdapat juga strategi lain, iaitu pengurangan simile dalam karya yang dihasilkan. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa strategi untuk menterjemahkan simile dalam novel *Hunger Games*. Kajian-kajian lepas oleh Subet (2018), Nurul Fadila et al. (2020) dan Wan Nor Hazwani (2014) ternyata dapat membantu kajian ini dalam menganalisis data khususnya dalam kajian stilistik gaya perbandingan.

Dalam pada itu, kajian lepas mengenai gaya stilistik antaranya termasuklah oleh Dian Uswatun Hasanah et al. (2019) yang menjalankan kajian secara penelitian deskriptif kualitatif. Kajian mendapati bahawa sumber data yang digunakan merupakan dokumen puisi-puisi Fadli Zon yang terkenal serta dimuat naik di laman media sosial seperti Twitter dan Instagram. Puisi-puisi tersebut bertajuk “*Doa yang Ditukar*”, “*Sajak Orang Terkejut*”, “*Arah Baru*” dan “*Rakyat Bergerak*”. Hasil penelitian menunjukkan bahawa gaya bahasa yang paling dominan digunakan oleh Fadli Zon ialah personifikasi, sarkasme, sinisme, epitet, aliterasi, anafora dan *anadiplosis*. Hasil kajian juga mendapati bahawa beberapa gaya bahasa yang diperoleh dalam puisi-puisi Fadli Zon tersebut bertujuan memberikan penekanan makna, sebagai contoh salah satunya adalah sebagai bahasa sindiran terhadap kebijakan pemerintah yang dianggap tidak sesuai dengan keinginannya.

Selanjutnya, kajian lepas mengenai gaya stilistik oleh Rizki Putri Yunisa Khairani (2022) bertujuan membincangkan dan mengenal pasti gaya bahasa dalam cerpen karya Damhuri Muhammad yang bertajuk “*Banun*”. Kajian tersebut menggunakan penelitian deskriptif secara kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga gaya bahasa yang wujud dalam karya yang dikaji, iaitu gaya stilistik perbandingan yang merangkumi

personifikasi dan metafora, gaya stilistik pertentangan pula merangkumi hiperbola, klimaks dan ironi serta gaya stilistik pertautan pula merangkumi *antonomasia* dan *asidenton*. Tegasnya, kajian lepas mengenai gaya bahasa terhadap cerpen dan puisi tersebut dapat membantu kajian ini menganalisis data khususnya terhadap aspek gaya stilistik penyirnaan.

Selain itu, Normaizura (2018) turut menjalankan kajian menggunakan teknik analisis kandungan bagi mengenal pasti retorik yang terdapat dalam ceramah agama dalam saluran YouTube oleh tiga orang penceramah agama yang terkenal, iaitu Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Don Daniyal. Kajian tersebut juga merumuskan gaya dan teknik retorik yang digunakan berdasarkan teori retorik oleh Enos dan Brown (1993). Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa retorik yang paling dominan ialah retorik penceritaan dan diikuti oleh retorik lain misalnya retorik pendedahan, penghujahan, pemujukan dan penerangan. Dapatan kajian yang menggunakan teori retorik moden sangat relevan dengan kajian yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, hasil kajian menyatakan bahawa semua penceramah agama sememangnya menerapkan unsur retorik yang mempamerkan kemahiran mereka sebagai asbab untuk menarik minat orang ramai mendengar ceramah mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa berdasarkan kajian lepas oleh Normaizura (2018) mengenai retorik dalam ceramah agama ternyata sedikit sebanyak dapat membantu kajian ini menganalisis data khususnya terhadap gaya stilistik pertautan.


METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang merangkumi analisis terhadap kandungan teks novel *Pantai Kasih*. Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah kepustakaan bagi mencapai objektif kajian. Hal ini turut disokong oleh Noeng Muhadjir (1996) yang menyatakan bahawa metodologi penelitian kepustakaan mencakupi sumber data, pengumpulan data dan analisis data (hlm. 169). Hal ini secara mudahnya dapat dikatakan bahawa kaedah kajian kepustakaan memerlukan kajian ini mencari maklumat menerusi bahan-bahan akademik, misalnya kertas seminar, jurnal, akhbar dan sebagainya dalam bentuk salinan keras atau kasar.

Kajian ini telah menggunakan novel *Pantai Kasih* yang merupakan karya Azmah Nordin sebagai instrumen kajian yang mengandungi sembilan bab bersamaan dengan 164 muka surat yang telah diterbitkan oleh Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd. pada tahun 2014.

Kajian ini menggunakan data-data yang dikumpulkan melalui semakan dokumen, iaitu berpandukan novel *Pantai Kasih*. Data-data yang diperoleh melalui analisis dokumen secara deskriptif ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan analisis unsur stilistik yang terdapat dalam novel tersebut.

Melalui kajian ini, prosedur utama pengumpulan data adalah dengan memilih novel *Pantai Kasih* sebagai bahan kajian. Kemudian, kajian diteruskan dengan membuat pembacaan bab demi bab terhadap novel yang dikaji bagi memahami setiap jalan ceritanya. Seterusnya, bacaan secara berkali-kali dilakukan bagi mengenal pasti gaya stilistik yang diketengahkan dalam novel ini. Akhir sekali, prosedur pengumpulan data diteruskan lagi dengan proses penelitian dan semakan pengesahan yang dilakukan melibatkan beberapa sumber rujukan. Rajah 1 menunjukkan carta alir prosedur pengumpulan data untuk kajian ini.



Rajah 2 Carta alir prosedur pengumpulan data.

KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan teori stilistik Weber (1989) yang terdapat dalam buku beliau yang berjudul “*The Stylistic Reader*” sebagai kerangka teori yang utama. Kajian ini akan mengemukakan enam prinsip kajian stilistik namun hanya lima prinsip tersebut akan dijadikan panduan dalam proses analisis kajian.

Teori Stilistik Weber (1989)

Keenam-enam Prinsip Stilistik Weber dikatakan merangkumi analisis prinsip fonologi, iaitu menurut Weber (1989), fonologi mementingkan kesepaduan dalam kajian terhadap bunyi (hlm. 57). Weber turut menjelaskan bahawa fonologi merupakan kajian yang melibatkan sebarang bunyi bahasa seperti pengulangan awal kata, akhir kata dan pengulangan kata di tengah ayat. Jika dilihat daripada skop yang lain pula, Asmah (1982) dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir* menyatakan bahawa fonologi merupakan kajian mengenai bunyi bahasa, khususnya bunyi sesuatu bahasa tertentu. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa prinsip fonologi atau penggunaan bunyi adalah melihat taburan penggunaan bunyi seperti meneliti aspek asonansi, aliterasi, rima dan sebagainya. Kekekapan penggunaan bunyi tersebut pasti menimbulkan kesan estetik dan kekuatan. Namun begitu, dalam kajian ini, prinsip fonologi tidak akan dikaji secara terperinci dalam dapatan kajian memandangkan prinsip ini menekankan konsep taburan bunyi. Kajian ini memberikan fokus kepada novel yang tidak melibatkan sebarang prinsip fonologi untuk dianalisis.

Seterusnya, menurut Weber (1989), analisis prinsip diksi pula merujuk kepada pemilihan diksi, iaitu pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan tema atau tajuk sesuatu bahan bercerita dan berkesan untuk mengungkapkan idea sama ada secara bertulis atau lisan (hlm. 58). Selain itu, menurut Weber (1989), pemilihan diksi membolehkan jalan cerita yang disampaikan selari dengan kosa kata yang digunakan (hlm. 59). Oleh hal yang demikian, berdasarkan pendapat Weber itu, dapat disimpulkan bahawa hasil daripada pemilihan diksi yang sesuai pastinya akan memberikan impak kepada pembaca karya tersebut. Selain itu, karya tersebut juga akan meninggalkan kesan kepada pembaca, misalnya jika dilihat daripada novel *Pantai Kasih* yang berkisar tentang pengamal perubatan, maka kosa kata atau diksi yang digunakan juga adalah selari dengan tema tersebut.

Seterusnya, merujuk pada pandangan Weber (1989), analisis prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis menerangkan cara suatu ayat yang dihasilkan dalam sesebuah karya itu diterjemahkan bentuknya (hlm. 60). Jika dihuraikan perkara yang diperkatakan mengikut prinsip Weber ini, analisis pembentukan ayat ini adalah dengan melihat susunan ayat dari sudut panjang dan pendeknya. Menurut Weber (1989) kepelbagaian ayat yang dihasilkan akan menyebabkan karya yang dihasilkan menjadi lebih realistik apabila dibaca (hlm. 61). Pembaca khususnya dapat memahami ayat tersebut meskipun menggunakan ayat pendek, namun perkara tersebut bergantung kepada pengarang dalam mengolahkannya. Oleh hal yang demikian, pembinaan panjang dan pendek ayat harus sesuai dengan suasana dan situasi peristiwa. Prinsip ini ditekankan bagi menimbulkan kesan stilistik secara menyeluruh. Penggunaan prinsip pembentukan ayat atau struktur sintaksis digunakan oleh pengkaji dalam novel untuk menimbulkan kesan stilistik terhadap novel tersebut.

Dalam pada itu, prinsip stilistik Weber (1989) juga melibatkan analisis prinsip kajian terhadap makna atau semantik kajian yang merujuk kajian terhadap bidang makna secara tersurat mahupun tersirat (hlm. 65). Menurut Weber (1989), prinsip stilistik sangat mementingkan makna untuk difahami (hlm. 67). Makna yang diterjemahkan perlulah merangkumi konotatif ataupun denotatif. Secara ringkasnya, pendapat Weber mengenai semantik ialah pengkhususan kepada makna atau semantik, atau dalam kata lain penggunaan bahasa harus bertepatan dengan pemilihan teknik plot dan tema sesebuah karya. Prinsip ini mengemukakan unsur-unsur ambiguiti dan ketaksaan yang digunakan oleh penulis untuk menghasilkan sebuah novel yang menarik serta berkesan terhadap pembaca di samping melihat aspek deviasi dalam makna.

Di samping itu, salah satu elemen dalam prinsip stilistik Weber (1989) termasuklah prinsip gaya individualisme, iaitu prinsip yang memfokuskan gaya individualisme, yakni identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis itu (hlm. 72). Weber (1989) turut menjelaskan bahawa stilistik mementingkan keindahan bahasa. Maka itu, identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis sangat menggambarkan identitinya (hlm. 72). Melalui cara itu, karya penulisannya akan mudah dikenal pasti oleh pembaca. Pada masa yang sama, gaya individualisme ini juga menurut perspektif tersebut lebih jitu, dan membawa maksud gaya penulisan peribadi seseorang penulis. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa

setiap penulis sudah pasti memiliki cara tersendiri dalam menyampaikan karya dengan berkesan. Berdasarkan perspektif Umar Junus (1989), individualisme dikaitkan dengan gaya simbolik dan ciri peribadi yang dilihat melalui penggunaan bahasa seseorang (hlm. 21). Tambahan beliau lagi, gaya individualisme mudah dikenal pasti dengan menunjukkan karya penulis itu yang mungkin juga diertikan tidak dipunyai oleh penulis lain.

Akhir sekali, kajian ini turut menyelitkan prinsip stilistik yang tidak kurang pentingnya, iaitu analisis prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik. Menurut Weber (1989), dramatik ini boleh dikategorikan sebagai suatu bahasa yang mempunyai gaya (hlm. 75). Weber (1989) juga menyatakan bahawa bahasa dramatik amat penting dalam stilistik kerana bahasa dramatik berfungsi menyifatkan pelbagai kesan yang imaginatik terhadap pembaca (hlm. 76). Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa unsur bahasa dramatik ini bermaksud penggunaan bahasa yang mempunyai lagak atau gaya yang sesuai untuk drama. Antara cirinya ialah percakapan penuh atau sempurna yang boleh menimbulkan kesan pada jiwa seperti suka, sedih, marah dan sebagainya. Eksploitasi bahasa yang terlibat dari aspek pengaplikasian unsur dramatik sangat memberikan kesan kepada gaya dan keindahan sesebuah sajak. Antara contohnya ialah simile, aforisme (peribahasa dan bidalan) dan *stikometri* (untuk menegangkan plot) dan sebagainya. Weber (1989) turut menyatakan bahawa kebiasaannya plot ini melibatkan teknik yang digunakan seperti retorik atau teknik plot yang digunakan bagi setiap jalan cerita (hlm. 78). Secara ringkasnya, stilistik lazimnya melihat unsur yang banyak digunakan, unsur yang sesuai dengan karya dan cara unsur tersebut dicerap dalam karya. Kekuatan dan keindahan sesebuah karya sastera banyak bergantung pada eksploitasi bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Gaya Stilistik Perbandingan dalam Novel *Pantai Kasih*

Menurut Abdullah (2010), gaya stilistik perbandingan ialah keindahan bahasa yang menerangkan sesuatu secara berkias (hlm. 37). Hal ini dikatakan demikian kerana gaya stilistik perbandingan merangkumi simile, personifikasi, metafora, eufemisme, alegori dan *antilexis*. Penggunaan gaya stilistik dalam setiap karya pastinya dapat memberikan kesan yang realistik terhadap emosi pembaca.

Sehubungan dengan itu, setelah mengenal pasti gaya stilistik perbandingan dalam novel *Pantai Kasih*, kajian ini mendapati bahawa hanya terdapat penggunaan simile, metafora dan personifikasi sahaja yang kerap digunakan oleh pengarang. Jadual 1 menunjukkan penggunaan gaya stilistik perbandingan yang memfokuskan penggunaan simile, metafora dan personifikasi yang terdapat dalam novel *Pantai Kasih*.

Jadual 1 Contoh penggunaan gaya stilistik perbandingan dalam novel *Pantai Kasih*.

Bil.	Gaya Stilistik Perbandingan	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Simile	(1) Kesepian dan kengerian yang begitu seni lagi tajam itu, bagai mahu menukik lebih jauh ke dalam jauh dalam jiwa Raiha. (hlm. 2) (2) Ingatan tentang peristiwa itu, bagaikan sejenis pohon berduri yang sentiasa segar menusuk hati nuraninya. (hlm. 8) (3) Bagaikan cuba membaca isi hati dan mendengar degupan jantungnya. (hlm. 3) (4) Namun, sedetik itu dia terhuyung-hayang, macam dirempuh puting beliung. (hlm. 13) (5) Felicia tersentak sedikit, terasa seperti disengat kala jengking. (hlm. 79)
(2)	Metafora	(1) Jauh di lubuk hatinya. (hlm. 34) (2) Kecut tali perutnya. (hlm. 69) (3) Tubir puncak kejayaannya. (hlm. 143) (4) Pisau bedah. (hlm. 145) (5) Diserbu oleh lidah api. (hlm. 147) (6) Pintu dunia. (hlm. 158)

Bil.	Gaya Stilistik Perbandingan	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(3)	Personifikasi	(1) ... Raiha terpukul bisu. (hlm. 3) (2) Begitu juga sebarang kegagalan yang mungkin mampu membunuh semangatnya yang rapuh itu. (hlm. 6) (3) Tanya hatinya, yang mula dicengkam kenangan suram dan rasa curiga terhadap kemampuan diri sendiri. (hlm. 8) (4) Agak lama pula dia digelut gelojak dalam dirinya. (hlm. 8) (5) Kesangsian dan kekusaran pula saling bertumpang tindih di ubun-ubunya. (hlm. 14) (6) Yang pasti, keterasingan dan kesepian ialah musuh yang mengekori dalam diam bagi seorang wanita <i>single</i> yang mempunyai kerjaya sepertinya. (hlm. 32) (7) ... kerdipan lampu warna-warni dan kepulan asap rokok terus menerpa lalu menusuk selaput matanya yang berbinar-binar itu. (hlm. 69)

Kajian ini juga mendapati bahawa gaya stilistik kerap kali digunakan untuk menimbulkan kesan kepada pembaca termasuklah penggunaan simile, metafora dan personifikasi. Menurut Saleh (2016), simile ialah gaya bahasa yang membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain (hlm. 150). Dapat diperhatikan melalui teks novel ini bahawa penggunaan simile ini pastinya melibatkan penggunaan perkataan “seperti, umpama, bagai, dan laksana” untuk membandingkan sesuatu dengan lebih terperinci lagi. Pada masa yang sama, hal ini turut selari dengan pernyataan Knowless dan Moon (2006) bahawa simile ini mempunyai persamaan dengan metafora, namun simile lebih bersifat eksplisit (hlm. 8). Sebagai contoh yang mudah, melalui kajian ini, dapat dilihat bahawa pengarang menyelitkan beberapa penggunaan simile dengan menggunakan perkataan “seperti, bagaikan dan macam”. Contoh ayat seperti yang berikut:

“... kesepian dan kengerian yang begitu seni lagi tajam itu, **bagai** mahu menukik lebih jauh ke dalam jauh dalam jiwa Raiha.” (Azmah, 1994:2)

Jika dilihat contoh ayat tersebut, pengarang menggunakan simile *bagai* untuk menunjukkan perbandingan kesepian dan kengerian yang begitu kecil, namun tajam seakan-akan mendorong lebih jauh ke dalam sudut jiwa Raiha. Bahasa figuratif simile ini mampu memberikan kesan mendalam terhadap penghayatan dalam pembacaan sesuatu karya.

Seterusnya, di samping penggunaan simile, pengarang juga kerap kali menggunakan gaya stilistik metafora bagi menimbulkan keindahan bahasa apabila pembaca membaca dan menghayati novel tersebut. Metafora pula merupakan perbandingan secara terus tanpa menyelitkan penggunaan seperti, bagaikan, macam dan sebagainya yang lebih kurang tidak jauh bezanya dengan simile. Hal ini jelas dilihat menerusi *Kamus Linguistik* (2001) yang menyatakan bahawa metafora merupakan pemakaian kata atau konsep kata yang mementingkan konsep kias, iaitu secara berlapis (hlm. 136). Sebagai tamsilannya, kajian ini berpendapat bahawa contoh ayat *diserbu lidah api* yang terdapat dalam novel ini menerangkan keadaan kereta yang disambar oleh keadaan api yang menyala-nyala, namun dengan wujudnya gaya stilistik perbandingan metafora ini, penggunaan bahasa semakin berseni. Pada masa yang sama, pembaca turut dapat melihat dan menghayati keindahan bahasa yang ditintakan meskipun hanya menggunakan perkataan biasa.

Di samping penggunaan gaya stilistik metafora, unsur penggunaan personifikasi juga turut digunakan oleh pengarang dalam karya tersebut. Menurut Saleh (2016), personifikasi ialah pemberian sifat manusia kepada benda-benda yang tidak bernyawa seperti objek dan sebagainya (hlm. 150). Lazimnya, penggunaan unsur personifikasi ini dapat menimbulkan kesan yang mendalam terhadap pembaca. Misalnya, ayat berikut menunjukkan bahawa penggunaan unsur personifikasi digunakan bagi menjadikan ayat yang dibaca itu indah pada kedudukannya.

“... kesangsian dan kegusaran pula saling bertumpang tindih di ubun-ubunnya.” (Azmah, 1994:14)

Dalam erti kata yang mudah, penggunaan ayat seperti contoh di atas menunjukkan bahawa Raiha mengalami kegusaran dan pada masa yang sama, kesangsian yang dirasainya pada ketika itu saling bercampur aduk

melanda pemikirannya. Hal inilah yang dikatakan sebagai penggunaan unsur personifikasi dapat menjadikan ayat biasa menjadi luar biasa dengan terselitnya perkataan mahupun klausa yang mengandungi seni bahasanya yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, dengan adanya penggunaan gaya stilistik perbandingan yang merangkumi simile, personifikasi dan metafora ternyata dapat menimbulkan implikasi yang mendalam terhadap pembaca khususnya dari sudut pandang emotif.

Gaya Stilistik Penyirnaan dalam Novel *Pantai Kasih*

Abdullah (2010) menyatakan bahawa gaya stilistik penyirnaan hanya melibatkan satu jenis ciri sahaja, iaitu sinkope (hlm. 42). Dalam erti kata yang mudah, gaya stilistik penyirnaan atau juga dikenali sebagai pelesapan merupakan bentuk bahasa yang melibatkan pengguguran bunyi suku kata, kata, frasa atau bahagian ayatnya. Antaranya termasuklah sinkope, akronim, elipsis dan aferisis. Kendatipun begitu, dalam novel *Pantai Kasih*, kajian ini mendapati bahawa hanya unsur sinkope dan akronim sahaja digunakan. Yang berikut merupakan Jadual 2 yang menunjukkan penggunaan gaya stilistik penyirnaan yang memfokuskan penggunaan sinkope dan akronim yang terdapat dalam novel *Pantai Kasih*.

Jadual 2 Contoh penggunaan gaya stilistik penyirnaan.

Bil.	Gaya Stilistik Penyirnaan	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Sinkope	(1) “Lainlah kalau awak tak percayakan saya”. (hlm. 90) (2) “Awak terhidu tak bau itu?” (hlm. 125) (3) “Dahsyat kan, bang?” (hlm. 73)
(2)	Akroneim	(1) Tidak pernah tercetus keinginan dalam hatinya untuk menunjukkan kuasanya kepada Felicia, biarpun kehidupan jururawat itu sejak berhijrah ke PRPK, tampak agak mewah dibandingkan sebelumnya. (hlm. 50)

Berdasarkan Jadual 2, kajian mendapati bahawa pengarang menyelitkan penggunaan gaya bahasa penyirnaan yang melibatkan sinkope dan akronim. Penggunaan sinkope, iaitu perkataan yang dipendekkan sekali gus cuba menonjolkan penggunaan perbualan yang ringkas. Sebagai contoh, penggunaan *tak* daripada perkataan asalnya ialah *tidak*. Penggunaan sinkope ini menyingkatkan kata daripada perkataan asalnya memudahkan pembaca untuk memahami perbualan yang berlaku. Dalam erti kata yang mudah, gambaran watak juga menggunakan sinkope dalam bahasa basahan mereka meskipun terlibat dengan golongan elit.

Menerusi novel ini, pengarang menggunakan gaya bahasa sinkope bagi menunjukkan bahawa dalam novel juga wujud perbualan tidak formal yang turut mementingkan keselesaan dalam berbahasa. Tambahan lagi, penggunaan stilistik akronim turut digunakan apabila pengarang sering menggunakan “PRPK”, iaitu merujuk Pusat Rawatan Pantai Kasih. Jika diteliti dari sudut yang lebih berfokus, penggunaan akronim lebih kepada memendekkan perkataan asal agar dilihat mudah untuk dibaca dan dihayati. Oleh hal yang demikian, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan gaya stilistik penyirnaan dilihat mewujudkan variasi bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian khususnya dalam kalangan masyarakat.

Gaya Stilistik Pertautan dalam Novel *Pantai Kasih*

Gaya stilistik pertautan merujuk gaya bahasa yang menghubungkan sesuatu yang memiliki ciri atau sifat tertentu dengan yang lain (Abdullah, 2010:43). Antara contoh gaya stilistik pertautan ialah gaya bahasa sinekdok, eufemisme, epitet, antonomasia, eponim, metonimi dan alusi. Dalam pada itu, melalui novel *Pantai Kasih*, kajian ini mendapati bahawa hanya terdapat penggunaan alusi sahaja dalam novel ini.

Tambah Abdullah (2010), kilatan atau bayangan merupakan nama lain bagi alusi (hlm. 43). Dalam erti kata yang mudah, alusi merupakan pemerian yang membayangkan atau merujuk sesuatu secara tidak langsung kepada sesuatu cerita. Jadual 3 menunjukkan penggunaan gaya stilistik pertautan yang memfokuskan penggunaan alusi yang terdapat dalam novel *Pantai Kasih*.

Jadual 3 Contoh penggunaan gaya stilistik pertautan.

Bil.	Gaya Stilistik Pertautan	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Alusi	<p>(1) Dari jarak yang agak jauh itu, mereka dapat menyaksikan kereta baharu Doktor Sadiz terperosok di bawah lori tangki minyak itu. Mereka menyaksikan pemandu dan kelindan lori itu sempat terjun, sebelum lori itu disambar api. Doktor Sadiz yang masih berhimpit di dalam kereta baharunya itu tergamam dan terkapai-kapai apabila dia diserbu oleh lidah api yang berwarna merah, ungu, kuning putih dan kebiru-biruan itu. Banyak orang cuba membantunya tetapi tidak seorang pun dapat menghampiri kereta dan pemiliknya yang hangus rentung dijilat api itu. (hlm. 147)</p> <p>(2) Raiha tersedu keperluan. Sejenak dia terbayang akan kereta Porsche mewah kecintaan Doktor Sadiz yang juga terbakar rentung di tepi sebuah rumah tumpangan. Lidah api yang membakar kereta Porsche itu turut menyambar anak tunggal mereka yang dibawa lari oleh Raiha sehari sebelum sempat Doktor Sadiz menghantar anak itu ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak yang mengalami Sindrom Down itu. (hlm. 147)</p>

Menerusi contoh 1, teknik pemerian digunakan oleh pengarang dalam memerihalkan peristiwa tersebut dengan bayangan yang begitu jelas dan terperinci bagi menunjukkan keadaan Doktor Sadiz yang telah meninggal

dunia dengan tragis sekali. Jika dilihat dengan lebih jitu Pembaca dengan mudah tertarik apabila membaca bahagian itu kerana gaya alusi yang diselitkan menjadikan bayangan yang berlaku dalam karya tersebut seolah-olah realistik. Tambahan pula, maklumat yang disampaikan kelihatan tepat, ersifat faktual dan sangat deskriptif.

Pada masa yang sama, pengarang amat kritis dan teliti dalam memperincikan teknik pemerian bagi menggambarkan situasi tersebut agar dapat memberikan gambaran sebenar dan menimbulkan imaginatif serta boleh dirasakan oleh pancaindera pembaca. Penggunaan diksi dan kosa kata yang sesuai juga memainkan peranan penting dalam memastikan mesej atau penggunaan unsur alusi yang ingin disampaikan kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian bagi mendapatkan maklum balas yang positif sekaligus meningkatkan minat pembaca terhadap karya tersebut.

Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa melalui gaya stilistik pertautan yang digunakan, iaitu penggunaan alusi jelas menampilkan jalan cerita yang disampaikan oleh pengarang sangat imaginatif sehinggakan pembaca dapat membayangkan setiap detik peristiwa yang berlaku sekali gus menghidupkan ruang mental pembaca ke arah yang bersifat realistik dengan gambaran peristiwa yang sangat jelas dan terperinci. Tegasnya, kajian ini turut mendapati bahawa gaya stilistik pertautan yang diselitkan itu menjadikan pembaca lebih seronok kerana mereka pastinya mendapat gambaran yang sangat jelas tentang jalan cerita. Hal ini disebabkan pengarang mendeskripsikan peristiwa tersebut menggunakan gaya stilistik alusi yang begitu nyata dan imaginatif.

MENGANALISIS PRINSIP STILISTIK WEBER (1989) DALAM NOVEL *PANTAI KASIH*

Bahagian ini memperincikan dapatan kedua kajian ini, iaitu menganalisis prinsip stilistik Weber (1989) dalam novel *Pantai Kasih*. Kajian ini hanya memperincikan lima daripada enam elemen prinsip stilistik Weber (1989) yang terdapat dalam novel *Pantai Kasih*, iaitu pemilihan diksi, pembentukan ayat, prinsip kajian makna atau semantik, unsur bahasa dramatik dan prinsip gaya individualisme.

Analisis Prinsip Pemilihan Diksi

Menurut Weber (1989), analisis prinsip pemilihan diksi merujuk kepada pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan tema atau tajuk sesuatu bahan bercerita dan berkesan untuk mengungkapkan idea sama ada secara bertulis atau lisan (hlm. 58). Selain itu, menurut Weber (1989), pemilihan diksi membolehkan jalan cerita yang disampaikan selari dengan kosa kata yang digunakan (hlm. 59).

Dari aspek diksi juga, pengarang jelas memilih kosa kata yang sesuai dengan latar masa, tempat dan masyarakat dalam cerita. Memandangkan novel *Pantai Kasih* ini bertemakan konflik yang berlaku dalam masyarakat yang terdiri daripada pengamal perubatan, maka beberapa penggunaan variasi diksi telah digunakan, misalnya yang ketara ialah penggunaan laras bahasa sains khususnya dalam bahasa Inggeris. Antara lain, penggunaan bahasa Arab turut diketengahkan menerusi novel ini. Jadual 4 menunjukkan Prinsip Pemilihan Diksi yang terdapat dalam novel tersebut.

Jadual 4 Analisis prinsip pemilihan diksi.

Bil.	Prinsip Pemilihan Diksi	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Laras bahasa sains	(1) Sinar-X (hlm. 2) (2) Anatomi (hlm. 4) (3) <i>Dressing</i> (hlm. 16) (4) Ortopedik dan Perawatan (hlm. 42) (5) <i>Ultrasound</i> (hlm. 57) (6) <i>Autopsy</i> (hlm. 57)
(2)	Bahasa Inggeris	(1) <i>Surgery</i> (hlm. 4) (2) <i>Gentleman</i> (hlm. 5) (3) <i>Sister</i> (hlm. 10) (4) <i>Happy-go-lucky</i> (hlm. 16) (5) <i>Sliding door</i> (hlm. 26) (6) <i>Staff nurse</i> (hlm. 31)

Bil.	Prinsip Pemilihan Diksi	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
		(7) <i>Single</i> (hlm. 32) (8) <i>Flashlight</i> (hlm. 50)
(3)	Bahasa Arab	(1) Rabbi (hlm. 9) (2) Beristighfar (hlm. 127) (3) Astaghfirullah (hlm. 147) (4) Allah (hlm. 158)

Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis

Jika diuraikan perkara yang diperkatakan oleh prinsip Weber ini, analisis pembentukan ayat ini melihat susunan ayat dari sudut kepanjangannya. Menurut Weber (1989) lagi, pelbagai ayat yang dihasilkan akan menyebabkan karya yang dihasilkan menjadi lebih realistik apabila dibaca (hlm. 61). Prinsip penilaian pembentukan ayat ini adalah untuk melihat susunan ayat dari sudut panjang dan pendeknya. Sehubungan dengan itu, prinsip ini lebih menekankan kajian morfologi dan sintaksis yang akan menimbulkan gaya dan pemahaman yang berkesan terhadap pembaca. Penggunaan prinsip pembentukan ayat ini akan digunakan oleh pengarang untuk menimbulkan variasi kesan stilistik terhadap karyanya. Yang berikut merupakan Jadual 5, iaitu contoh penggunaan pembentukan ayat yang terdapat dalam novel *Pantai Kasih*.

Jadual 5 Contoh pembentukan ayat dalam novel *Pantai Kasih*.

Bil.	Prinsip Pembentukan Ayat	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Ayat pendek	(1) Dia mengeluh singkat. (hlm. 9) (2) Mustahil. (hlm. 21) (3) Dia mengerutkan kening. (hlm. 25) (4) Dia geram. (hlm. 47) (5) Penuh waspada. (hlm. 90) (6) Seakan-akan sahaja. (hlm. 95)

Bil.	Prinsip Pembentukan Ayat	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(2)	Pembentukan ayat tidak mengikut subjek + predikat	(1) Namun, dia gagal dalam peperiksaan semester terakhirnya. (hlm. 134)

Analisis Prinsip Kajian terhadap Makna atau Semantik

Prinsip stilistik Weber (1989) mengenai analisis prinsip kajian terhadap makna atau semantik kajian merujuk kajian terhadap bidang makna secara tersurat mahupun tersirat (hlm. 65). Menurut Weber (1989), prinsip stilistik sangat mementingkan makna untuk difahami (hlm. 67). Makna yang diterjemahkan perlulah merangkumi konotatif ataupun denotatif. Secara ringkasnya, pendapat Weber mengenai semantik ialah pengkhususan kepada makna atau semantik atau dalam kata lain, penggunaan bahasa bermula daripada taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat yang bertujuan mendapatkan makna. Prinsip kajian terhadap makna atau semantik pula dapat didefinisikan sebagai kajian tentang makna. Hal ini jelas disokong oleh Richards dan Schmidt (2013) yang menyatakan bahawa semantik merupakan kajian terhadap makna (hlm. 374). Dalam erti kata yang lebih jelas, dapat dikatakan bahawa kajian terhadap semantik ini ialah suatu bidang yang mengkaji makna, iaitu hubungan antara perkataan dengan perkara yang dirujuknya dalam menentukan perbezaan jenis makna. Menurut Nawī (2016) pula, secara lazimnya, kajian terhadap semantik ini dapat dikatakan sebagai kajian berkenaan dengan makna sesuatu perkataan, frasa dan ayat dalam sesuatu bahasa yang digunakan dalam komunikasi lisan mahupun tulisan (hlm. 103).

Menerusi novel ini, dapat dilihat bahawa pengarang menggunakan bahasa yang secara dasarnya merangkumi taburan bunyi, pemilihan diksi serta penyusunan ayat untuk memperoleh setiap makna tersebut. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa juga seharusnya diselaraskan mengikut kesesuaian gaya bahasa dan tema sesebuah karya. Dalam pada itu, prinsip semantik ini dilihat sangat signifikan supaya dapat memberikan impak yang berkesan kepada pembaca khususnya dalam memaknakan setiap pembacaan mereka melalui ketaksaan dan unsur ambiguiti yang diketengahkan oleh pengarang. Jadual 6 menunjukkan penggunaan prinsip semantik yang digunakan dalam novel *Pantai Kasih*.

Jadual 6 Penggunaan prinsip semantik.

Bil.	Prinsip Kajian terhadap Semantik	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Makna denotatif dan konotatif	(1) Anak kandung (hlm. 28) (2) Harga diri (hlm. 106) (3) Mata duitan (hlm. 142)
(2)	Makna dalam karya kreatif	(1) Biarapun Doktor Sadiz, seorang pakar perunding pembedahan itu, amat tidak disenangi oleh bapanya. (hlm. 5) (2) “Sakit?” (hlm. 40) (3) “Berehatlah.” (hlm. 40) (4) “Tak ada?” (hlm. 114) (5) Tidak ada pohon yang tumbuh dan besar dalam satu hari. “Tidak ada juga pohon besar teguh yang roboh dalam satu hari,” pesan Datu Ontong kepada Uwang suatu ketika dahulu. (hlm. 71) (6) “Doktor Uwang tidak dapat dihubungi.” (hlm. 131) (7) Beberapa ketika kemudian, dari pintu hadapan, masuk pula seorang wanita yang <i>rugged</i> berblaus hitam dan memakai seluar hitam. Wanita yang tinggi semampai dengan rambut ikal panjang separas bahu yang dibiarkan tergerai itu, menuju ke arah wanita muda yang memandang Dr. Uwang dengan penuh takjub itu. (hlm. 73)

Analisis Prinsip Penelitian terhadap Unsur Bahasa Dramatik

Analisis prinsip penelitian terhadap unsur bahasa dramatik pula menurut Weber (1989) boleh dikategorikan sebagai suatu bahasa yang mempunyai

Jadual 7 Penggunaan prinsip unsur bahasa dramatik.

Bil.	Prinsip Unsur Bahasa Dramatik	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Unsur personifikasi	(1) Waktu semakin sempit dan terasa daya fikirinya seolah-olah cuba berlari dalam air. (hlm. 10)
(2)	Unsur simile	(1) Kesepian dan kengerian yang begitu seni lagi tajam itu, bagaikan menukik lebih jauh ke dalam getaran jiwa Raiha. (hlm. 2) (2) Bagaikan orang yang baru bangun daripada tidur, matanya terkedip-kedip menyoroti keadaan ruang tamu yang serba eksklusif itu. (hlm. 14) (3) Tubuh tegap lagi berotot-otot, sasanya bak pahlawan dalam dongengan silam, wajahnya yang memiliki tulang pipi yang tirus dan kukuh seperti yang pernah diucapkan penuh kagum oleh Emi, isteri jelita kepada Datu Ontong. (hlm. 22) (4) Perangai angin seperti mewakili kemarahan para pesakit yang serba kerdil kepada pakar-pakar di PRPK itu yang suka bertindak sewenang-wenangnya. (hlm. 136)

gaya (hlm. 75). Weber (1989) juga menyatakan bahawa bahasa dramatik amat penting dalam stilistik kerana bahasa dramatik berfungsi memberikan pelbagai kesan imaginatif terhadap pembaca (hlm. 76). Jika dilihat dengan jelas, antara cirinya ialah percakapan penuh atau sempurna yang boleh menimbulkan kesan pada jiwa seperti suka, sedih, marah dan sebagainya.

Jika ditinjau dari aspek lain pula, penerokaan bahasa dari aspek pengaplikasian unsur dramatik sangat memberikan kesan gaya dan keindahan kepada sesebuah karya. Antara unsur bahasa dramatik yang diketengahkan dalam novel ini termasuklah simile, aforisme (peribahasa

dan bidalan) dan unsur personifikasi. Dalam pada itu, dapat dikatakan bahawa gaya stilistik sebenarnya melihat unsur yang banyak digunakan, unsur yang sesuai dengan karya dan bagaimana unsur tersebut dicerap ke dalam karya. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kekuatan dan keindahan sesebuah karya sastera banyak bergantung pada penerokaan bahasa dari segi penggunaan unsur dramatik. Oleh hal yang demikian, yang berikut merupakan Jadual 7 yang menunjukkan contoh penggunaan prinsip unsur bahasa dramatik menerusi novel *Pantai Kasih*.

Prinsip Gaya Individualisme

Prinsip stilistik Weber (1989) seterusnya ialah prinsip gaya individualisme yang memfokuskan gaya individualisme yang bermaksud identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis itu (hlm. 72). Menurut Weber (1989), prinsip stilistik ini mementingkan keindahan bahasa maka identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis sangat menggambarkan seseorang penulis itu (hlm. 72). Melalui cara itu, karya penulisannya akan mudah dikenal pasti oleh pembaca tentang karya yang dihasilkannya. Prinsip gaya individualisme ini bermaksud identiti peribadi yang ditunjukkan oleh penulis. Jika dilihat dengan teliti, setiap penulis pastinya memiliki cara tersendiri dalam menyampaikan karya mereka dengan berkesan. Hal ini turut disokong oleh perspektif Umar (1989) yang berpendapat bahawa individualisme ini sering dikaitkan dengan gaya sebagai memerangkap ciri peribadi yang dilihat melalui pemakaian bahasa seseorang (hlm. 21).

Selain itu, Umar (1989) juga menyatakan bahawa gaya individualisme turut mudah dikenal pasti dengan menunjukkan sebuah karya penulis itu dan pembaca tegar biasanya akan mengiktiraf bahawa karya tersebut merupakan gaya penulis itu sendiri, yang mungkin juga diertikan tidak dipunyai oleh penulis lain (hlm. 22). Jadual 8 memperlihatkan contoh daripada novel *Pantai Kasih* yang menerapkan prinsip gaya individualisme. Secara ringkasnya, prinsip ini lebih memfokuskan identiti peribadi seseorang penulis itu.

Jadual 8 Penggunaan prinsip gaya individualisme.

Bil.	Prinsip Gaya Individualisme	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(1)	Pengulangan kata “yang pasti” sebagai penegasan ayat.	<p>(1) Sesuatu yang belum pasti. (hlm. 2)</p> <p>(2) Yang pasti, sejak saat diarahkan menangani operasi ke atas Unong Siron itu tadi lagi, dia diselubungi oleh semacam rasa ngeri dan takut yang amat sangat. (hlm. 6)</p> <p>(3) Hal itu yang pasti. (hlm. 6)</p> <p>(4) Yang pasti, tiada seorang pun daripada mereka yang berjalan berhampiran dengannya. (hlm. 15)</p> <p>(5) Yang pasti, sesiapa sahaja yang datang untuk mendapatkan rawatan di pusat rawatan itu, seperti Unong Siron yang kedatangannya tetap diterima asal sahaja mampu membiayai kos perubatannya, bagi mengelakkan hal ini menjadi buah mulut orang ramai dan mungkin pada akhirnya akan sampai juga ke pendengaran sensitif bapanya itu kelak. (hlm. 23)</p>
(2)	Penggunaan kata-kata bahasa Arab	<p>(1) “Ya Allah, berikanlah hamba-Mu ini kekuatan, berikanlah;” rintih Raiha dalam hatinya. Berikanlah kepadaku kekuatan, agar aku mampu membuka kembali pintu dunia yang telah tertutup dahulu. (hlm. 158)</p> <p>(2) “Ya Rabbi! Enam kali!” Raiha menggerutu dalam hati. (hlm. 9)</p> <p>(3) “Astaghfirullah,” ucap mereka, seolah-olah sebulat suara mempertanggungjawabkan segalanya ke atas kepala Raiha. (hlm. 48)</p>

Bil.	Prinsip Gaya Individualisme	Contoh Penggunaan dalam Novel <i>Pantai Kasih</i>
(3)	Menerapkan jalinan imbas kembali	<p>(1) “Aku masih siuman! Aku masih lagi siuman! Masih lagi siumankah aku?” desis hati Raiha, diselubungi kerusuhan yang mendalam. (hlm. 58)</p> <p>(2) Sejurus itu, Felicia menghela nafasnya yang terasa kian menyendatkan dadanya. Serta-merta pula hatinya bagaikan disayat sembilu. Dia bagaikan dipaksa oleh perasaannya agar segera mengunjungi ruang farmasi pusat rawatan itu sekali lagi. (hlm. 81)</p> <p>(3) Pandangan mata fikir dan khayalan liarnya yang bergabung, tersesat dalam kekaburan yang amat jauh ke belakang itu amat menakutkan Raiha. Antara sedar dengan tidak, Raiha berusaha melemparkan apa-apa juga bayangan yang telah dilihat oleh mata fikirnya itu. (hlm. 55)</p>

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, hasil kajian mendapati bahawa sememangnya terdapat beberapa yang gaya stilistik yang diketengahkan menerusi novel *Pantai Kasih*, misalnya gaya stilistik perbandingan didapati merangkumi gaya simile yang berperanan sebagai penghasilan maklumat atau karya yang dihasilkan bersifat eksplisit, manakala gaya metafora pula berfungsi mengekalkan konsep kiasan, namun secara berlapis. Gaya personifikasi pula mementingkan kesan yang mendalam terhadap pemahaman pembaca dalam menghayati karya tersebut. Secara ringkasnya, penggunaan gaya stilistik perbandingan dilihat memberikan impak yang sangat penting dalam novel *Pantai Kasih* kerana dapat memberikan kesan yang realistik terhadap emosi pembaca dengan setiap keindahan bahasanya.

Jika disimpulkan, didapati bahawa sememangnya terdapat gaya stilistik akronim dan sinkope dalam gaya stilistik penyirnaan yang berperanan mewujudkan perbualan yang bervariasi namun masih

mementingkan keselesaan dalam berbahasa. Secara dasarnya, penggunaan sinkope dan akronim ini meningkatkan kata daripada perkataan asalnya yang memudahkan pembaca untuk memahami perbualan yang berlaku. Dalam erti kata yang mudah, penggunaan sinkope dan akronim ini memberikan gambaran watak yang menggunakan sinkope dalam bahasa basahan mereka meskipun terlibat dengan golongan elit. Dari sudut pandang gaya stilistik pertautan pula, novel *Pantai Kasih* sememangnya terkandung unsur bayangan, iaitu aspek tersebut ternyata menjadikan jalinan cerita lebih bersifat imaginatif dan realistik. Hal ini pastinya dapat menarik minat pembaca khususnya dalam menghayati karya dengan lebih deskriptif dalam setiap peristiwa yang terlakar.

Pada masa yang sama, kajian ini dilihat sangat signifikan khususnya kepada beberapa pihak misalnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran KOMSAS apabila kajian ini turut merungkaikan mengenai gaya bahasa stilistik perbandingan, pertautan dan penyirnaan. Kajian ini telah dapat menganalisis dan menyatakan takrifan yang jelas mengenai gaya bahasa stilistik yang difokuskan dalam novel *Pantai Kasih*. Secara tidak langsung, kajian ini diharapkan dapat membantu para guru khususnya dalam pembelajaran KOMSAS agar para pelajar dapat memahami istilah-istilah yang jarang ditemukan, misalnya stilistik, penyirnaan, pertautan dan perbandingan. Hal ini sedemikian kerana kebanyakan latihan pengukuhan KOMSAS memerlukan pelajar memberikan maksud setiap gaya stilistik yang dipelajari lebih-lebih lagi dalam novel *Pantai Kasih* yang sememangnya mempunyai banyak variasi gaya stilistik. Oleh itu, kajian ni diharapkan dapat memberikan manfaat kepada guru dan murid terutamanya dalam pembelajaran KOMSAS. Melalui kajian ini juga, dapat disimpulkan bahawa novel *Pantai Kasih* sememangnya sarat dengan beberapa gaya stilistik yang sangat memberikan impak yang mendalam kepada emosi pembaca.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1990). *Stilistik KOMSAS*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusof. (2010). *Linguistik dan sociolinguistik (Edisi ke-4)*. Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Arbai'e Sujud. (2014). *Stilistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ariff Mohamad. (2020). *Kesusasteraan dalam pengajaran bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (1982). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. (1994). *Pantai kasih*. Pekan Ilmu Publications.
- Crystal, D. (1985). *A dictionary of linguistics and phonetics*. Cornwall Press Ltd.
- Dian Uswatun Hasanah, Ferdian Achsani & Iqbal Syahrul Akbar Al Aziz. (2019). Analisis penggunaan gaya bahasa pada puisi-puisi karya Fadli Zon. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 5(1), 13–26. <https://doi.org/10.22219/kembara.v5i1.8187>
- Kamus Linguistik. (2001). Gramedia Pustaka Utama.
- Knowles, M. & Moon, R. (2006). *Introducing metaphor*. Routledge.
- Leech G. N. & Short, M. H. (2007). *Style in Fiction: A linguistic to English fictional prose*. Pearson Longman.
- Mariah Ahmad. (2016, 12 Februari). Novel *Pantai Kasih* akan terus digunakan dalam Tingkatan 4. *Astro Awani Online*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/novel-pantai-kasih-akan-terus-digunakan-dalam-tingkatan-4-94011>.
- Nawi Ismail. (2016). *Bahasa Melayu topikal tingkatan 6*. Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2007). *KOMSAS dan tatabahasa Melayu teras pegangan guru*. Icon Religion Sdn. Bhd.
- Noeng Muhadjir. (1996). *Metodologi penelitian kualitatif*. Penerbit Rake Sarasisn.
- Normaizura Md Zain. (2018). *Jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama*. [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Depository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/71134/>
- Nurul Fadila Harahap, Mega Silvani Br. Sinaga & Layla Mayang Sari. (2020). Analisis gaya bahasa personifikasi pada cerpen “Sampan Zulaiha” karya Hasan Al Banna. *Asas: Jurnal Sastra*, 9(2), 49–50.
- Richards, J. C., & Schmidt, R. W. (2013). *Dictionary of language teaching and applied linguistics (4th Edition)*. Routledge.
- Rizki Putri Yunisa Khairani. (2022). Analisis gaya bahasa dalam cerpen berjudul “Karya Damhuri Muhammad”. *Jurnal Multidisiplin Dehasen (MUDE)*, 7(1), 5–6.
- Saleh Ahmad. (2016). *Kupasan dan kajian asasi KOMSAS*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Subet, M. F. (2018). Analisis teori relevan dalam metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159–188. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/444/4245>

Umar Junus. (1989). *Stilistik: Satu pengantar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Nor Hazwani Wan Ramli. (2014). The translation of simile in the *Hunger Games* novel: Translation strategies. E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah. *Management and Muamalah*, 27(5), 5–6.

Weber, J. J. (1989). *The stylistics reader*. Arnold.